

# **TURBO CLEAN ENTERPRISE**

**CAR WASH & GROOMING CENTRE**

**DISEDIAKAN OLEH**

**MUHAMMAD NAZRI B. AYOB  
MOHD SUHAIMI B. ABD. GHAFAR  
RAZIFF BIN YAAKOB  
FARIZAL BIN IDRIS  
AZRUL RAFIZ B. KAMARULZAMAN**

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SUNGAI PETANI  
KEDAH DARULAMAN**

**26<sup>TH</sup>. MAC 2000**

PERPUSTAKAAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KEDAH



## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah

Peti Surat 187

08400 Merbok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300

Fax: 04-457 4355

Surat Kami 500-KDH(MEDC. 15/2/1)

Tarikh

25/1/2000

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

1. MUHAMMAD NAZRI BIN AYOB
2. MOHD SUNAIMI BIN ABD. QHAFFAR.
3. RAZIFF BIN YAACOB
4. FAHIZAL BIN IDRIS
5. AZUL RAFIZ BIN KAMARUZAMAN.

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**MOHD. AZHAR OSMAN**

Koordinator

b/p. Provos

## **Latar belakang perniagaan**

Nama syarikat: Turbo Clean Enterprise

Alamat syarikat: No 2, Lengkok Cempaka 1 / 1  
Persiaran Cempaka  
08000, Bandar Aman Jaya  
Sungai Petani  
Kedah Darul Aman

Alamat Surat Menyurat: No 2, tingkat 1,  
Lengkok Cempaka 1 / 1  
Persiaran Cempaka  
08000, Bandar Aman Jaya  
Sungai Petani  
Kedah Darul Aman

No. Telefon: dalam permohonan

Bentuk perniagaan: Syarikat perkongsian berasaskan francais

Kegiatan Utama: Mencuci kenderaan dan pusat jualan dan pengedaran barangan penjagaan kenderaan menggunakan jenama syarikat francais - Autoglym Co, London.

Tarikh mula perniagaan : 1 Januari 2002

Tarikh Pendaftaran: 12 Januari 2000

Nombor pendaftaran: dalam permohonan

## **FAKTOR PEMILIHAN PERNIAGAAN**

### **Membawa konsep baru**

Perniagaan mencuci kenderaan yang berada di pasaran memerlukan kawasan operasi yang luas . Kami cuba mengetengahkan konsep yang baru yang menggunakan pendekatan cucian kenderaan di dalam bangunan . Di samping itu juga , kami menggunakan teknik cucian yang efektif dan dan mengurangkan kos . Di samping itu, kami juga cuba mengetengahkan perkhidmatan lain seperti cucian enjin kenderaan dan engine lacquer.

### **Konsep francais**

Di samping menjalankan perkhidmatan mencuci kenderaan , kami turut membekalkan produk kepada cawangan lain di kawasan Utara . Konsep perniagaan secara francais telah berkembang pesat di Malaysia kerana ia memberi banyak faedah kerana modal permulaan perniagaan yang rendah

Francais ialah peluang perniagaan dimana tuan punya ( franchisor ), pengeluar atau produk bertanda niaga (trademark) memberi hak eksklusif kepada franchisi untuk edaran tempatan bagi produk atau perkhidmatan tersebut , dan franchisor menerima bayaran atau royalti disamping jaminan keakuran kepada standard kualiti.

Pembekal produk kami adalah Autoglym Co. London .Dan pengedar di Malaysia adalah Generous Resources yang beralamat di Kuala Lumpur .

**Turbo Clean Enterprise**  
**Pusat Jualan dan Penedaran Autoglym**

Syarikat kami akan bertindak sebagai francais bagi wilayah Utara yang merangkumi Pulau Pinang , Kedah dan Perlis .

**Pengaruh ekonomi**

Kedudukan ekonomi yang kukuh mendorong kepada perkembangan perniagaan Ini adalah kerana kami mudah untuk membuat pinjaman dan pelanggan tidak akan takut untuk membelanjakan wang mereka untuk mendapatkan khidmat kami . Peningkatan jumlah kenderaan terutamanya di kawasan Sungai Petani dan kawasan sekitar akan turut memberi impak kepada peningkatan hasil syarikat kami

**Prospek Perniagaan yang cerah**

Perkhidmatan cucian kenderaan memberikan prospek yang tinggi kerana perkembangan kawasan perindustrian dan perniagaan yang berasaskan automobil. Ini memberi peluang untuk mendapatkan kontrak mencuci kenderaan bagi syarikat swasta dan kerajaan.